

CV RINGKAS

PROF. MADYA DR. ROZIAH SIDIK @ MAT SIDEK

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti

Univeriti Kebangsaan Malaysia

&

Pensyarah Sejarah dan Falsafah Sains Islam

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

roziah@ukm.edu.my



KECEMERLANGAN DALAM BIDANG KEPAKARAN

KECEMERLANGAN AKADEMIK

- **Khidmat akademik** di UKM bermula pada 18 Disember 1998 sebagai seorang pensyarah. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains Islam dari Universiti Malaya pada tahun 2010. Beliau telah dilantik sebagai Pensyarah Kanan pada tahun 2009 dan Profesor Madya pada tahun 2012 di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Selepas dilantik sebagai Profesor Madya, beliau telah menerima enam (7) geran kebangsaan, dua (2) geran galakan penyelidikan industri dan 21 geran dalaman (dana penyelidikan top down, projek tindakan strategik, geran universiti penyelidikan dan geran galakan penyelidik muda) yang keseluruhannya berjumlah RM2,525,100.00. Beliau telah memperkasa bidang kepakarannya iaitu Sejarah dan Falsafah Sains Islam hingga berjaya mengetuai 3 geran penyelidikan FRGS, 1 Geran Universiti Penyelidikan, 1 geran Projek Tindakan/Strategik dan 1 Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim.

Khidmat akademik beliau juga terserlah menerusi penerbitan jurnal, buku dan bab dalam buku. Beliau telah menerbitkan lebih 100 penerbitan dalam pelbagai kategori termasuk buku, bab dalam buku, artikel jurnal dan prosiding. Buku beliau diterbitkan oleh penerbit tersohor iaitu Penerbit UKM dan Oxford-Fajar Sdn Bhd. Malah buku beliau Pengajian Islam terbitan Oxford-Fajar Sdn Bhd. memberi manfaat kepada pelajar Universiti Awam dan IPTS sebagai bahan rujukan untuk kursus Mata Pelajaran Umum Universiti di Malaysia iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Beliau juga

menghasilkan bab dalam buku yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa tersohor iaitu IntechOpen. Bagi penulisan jurnal pula, artikel beliau diterbitkan dalam pelbagai jurnal yang diindeks oleh WOS-ESCI, Scopus, ERA dan Mycite.

Di peringkat antarabangsa, beliau dilantik sebagai Profesor Pelawat di Fakulti Sains Islam, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Thailand pada 16 Ogos-20 Disember 2021. Pada tahun yang sama juga, beliau dilantik sebagai Juri Profesional dalam International Digital Innovation and Invention Challenge (IDIIC 2021) (1 Januari - 20 April 2021). Beliau juga ialah ahli dalam Advisory Board bagi Journal of Islamic Research dari tahun 2019 hingga kini, selain turut dilantik sebagai Dosen Tamu (Profesor Pelawat) di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) al-Khairat Pamekasan, Madura, Indonesia pada 11-16 November 2016.

- **Khidmat Akademik di Media**

Kepakaran akademik beliau dirujuk oleh pihak media apabila dijemput oleh Alhijrah Media Corporation (TV Alhijrah) sebagai panel temubual program dokumentari Al-Farabi: Permata Kazakhstan pada 15 April 2021. Bersama Primeworks Studios pula, beliau terlibat sebagai penyedia sumber sejarah lapangan dan arkib bagi penerbitan Dokumentari Ulama Nusantara oleh Primeworks Studios TV3 pada 01/08/2014 - 31/07/2016. Beliau juga menghasilkan penulisan popular di Utusan Malaysia dan Berita Harian.

1. RELEVANT

- **Penyelidikan dan Kepakaran**

Selepas dilantik sebagai Profesor Madya, beliau menumpukan perhatian kepada memperkembangkan bidang kepakaran menerusi penyelidikan. Beliau mengetuai 3 penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dalam bidang kepakaran iaitu Model Interaksi Antara Tamadun Berpusatkan Nilai Teras Tamadun Islam; Model Terapi Muzik Dalam Perubatan Berteraskan Amalan Perubatan Tamadun Islam; dan Model Pelancongan Islam di Malaysia Berteraskan Konsep Karavanserai dalam Tamadun Islam. Bagi Geran Universiti Penyelidikan pula, beliau mengetuai 1 projek penyelidikan iaitu Implikasi Pembangunan Teknologi Robotik Kepada Perkembangan Sains Dan Teknologi Dalam Tamadun Islam. Bagi geran Projek Tindakan/Strategik, beliau mengetuai 1 projek iaitu Blog Sebagai Medium Pembelajaran Bagi Bidang Sejarah dan Falsafah Sains Islam. Selain itu, beliau turut mengetuai penyelidikan menggunakan Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim bertajuk Aplikasi Terapi Muzik Dalam Menangani Masalah Kesihatan Mental Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Susulan Pandemik Covid-19.

Beliau juga turut menjadi Penyelidik Bersama dalam Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) berkaitan bidang kepakaran. Antara penyelidikan berkaitan ialah Pemurnian Fakta Sejarah Dalam Fiksyen Penulisan Novel Berasaskan Sejarah Islam di Malaysia; dan Model Tadbir Urus: Analisis Amalan Terbaik Pentadbiran Rasullullah S.A.W. Bagi Geran Universiti Penyelidikan pula, beliau turut terlibat sebagai Penyelidik Bersama dalam penyelidikan bertajuk Penerokaan Konsep Dan Pembinaan Model i-SCP (Islamic Spiritual Combat Power) Bersendikan Kekuatan Tempur Ketenteraan Uthmaniyyah; dan Penggunaan Parameter Altitud Matahari -18^o Bagi Penentuan Waktu Subuh Dan Implikasinya Terhadap Sosio Ibadah. Bagi geran Projek Tindakan/Strategik, beliau turut terlibat sebagai Penyelidik Bersama dalam penyelidikan bertajuk Pembelajaran

Berasaskan Web Dalam Pemantapan Pengajian Sejarah Dan Tamadun Islam Era Andalusia; Pengubahsuaian Instrumen Falak Kerajaan Uthmaniyyah Sebagai Satu Inovasi Alat Bantu Mengajar (ABM) Dalam Bidang Astrofiqh & Kosmofiqh Di Malaysia; Pembangunan e-Kandungan Dalam P&P Sejarah Dan Tamadun Islam Di Alam Melayu; Pemugaran Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Dan Tamadun Islam Era Andalusia Menerusi Web lostislamichistory.com; dan Alternative Paradigm And Innovation In Engineering Education: A Model For ISLAMIC Engineering Education In The Muslim Countries. Selain itu, beliau turut terlibat sebagai Penyelidik Bersama dalam Geran Galakan Penyelidik Muda berkaitan Investigating The Effects Of Dhikr On The Neural Response Of Afferent Auditory Pathways Among Healthy-Normal Hearing Young Adults. Bagi Geran Galakan Penyelidikan Industri pula, beliau ialah Penyelidik Bersama bagi projek Pembangunan Dan Pelaksanaan Modul 'Sejarah Ketenteraan Islam' Di Institusi Latihan Dan Kefahaman Islam (ILMI), Angkatan Tentera Malaysia; dan Penyediaan Sumber Sejarah Lapangan Dan Arkib Bagi Penerbitan Dokumentari 'Ulama Nusantara' Oleh Primeworks Studio, TV3. Selain itu beliau turut terlibat sebagai Penyelidik Bersama bagi geran luar iaitu geran JAKIM dalam projek berkaitan Kajian Indeks Syariah Malaysia 2016/17 (Bidang Pendidikan) dan Geran Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI) dengan projek berkaitan Ketokohan Syeikh Abdullah Fahim Dalam Perkembangan Pendidikan Islam Dan Ilmu Falak Pada Awal Abad Ke-20.

- Jaringan

Beliau merupakan Penyelaras kepada 4 MOU iaitu antara Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Marmara University di Turki (2017), Islamic University of Maldives (2017), Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei di Brunei (2016) dan Universitas Islam Negeri Sunan Ampel di Surabaya, Indonesia (2017). Beliau juga ialah Penyelaras kepada 1 MOA iaitu antara Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Universitas Islam Negeri Sunan Ampel di Surabaya, Indonesia (2017) untuk pengurusan pertukaran pelajar. Selain itu beliau juga meluaskan jaringan ke Turki dengan menyelaras kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Marmara University di Turki dalam skop Mevlana Exchange Programme (2018) membabitkan pertukaran staf akademik dan pelajar dengan tajaan Mevlana.

2. REFERRED

- **Khidmat Akademik Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa**

Kepakaran beliau mendorong banyak pihak untuk menggunakan perkhidmatannya. Di peringkat kebangsaan, beliau dilantik oleh Universiti Malaya untuk menganggotai Jawatankuasa Pengajian bagi Program Ijazah Sarjana Usuluddin (Pemikiran dan Peradaban Islam) pada November 2020. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia juga menggunakan khidmat beliau untuk menilai Program Bachelor of Human Science (History and Civilization) (Honours) di Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences. Untuk tujuan ini, beliau dilantik sebagai Panel Penilai Akreditasi Penuh program berkenaan pada 24-25 September 2018. Beliau dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai Panel Pemikir Pengurusan Islam Manhaj Malaysia pada tahun 2017. Penglibatan beliau bersama MQA pula mendorong agensi berkenaan menggunakan kepakaran beliau untuk menilai program pengajian dalam bidang berkaitan. Beliau dilantik sebagai Ahli Panel Penilai untuk menilai Mata Pelajaran Pengajian Umum bagi program Diploma di Kolej Perdana pada tahun 2017, Ahli Panel Penilai untuk Program Sarjana Muda Kepimpinan Adat dan Warisan,

Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya pada tahun 2019, Ahli Panel Penilai untuk Program Sarjana Muda Warisan Nabawi dengan Pengurusan Maklumat, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya pada tahun 2019, Ahli Panel Penilai untuk Program Master of Comparative Heritage, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya pada 31 Okt 2018-10 Mac 2019 dan Ahli Panel Penilai untuk Program Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam), Universiti Sultan Zainal Abidin pada 30 Okt - 1 Nov 2018.

Kepakaran beliau juga dirujuk untuk menilai kertas kerja/artikel dalam bidang berkaitan. Universiti Putra Malaysia melantik beliau untuk menilai artikel yang akan diterbitkan dalam Journal on Sustainable Tropical Design Research and Practice (2021). Pada tahun yang sama juga, Universiti Teknologi MARA melantik beliau untuk menilai kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS) 2021. Universiti Malaya juga menggunakan khidmat kepakaran beliau untuk menilai artikel yang diterbitkan dalam Jurnal al-Tamaddun (indeks Scopus dan WOS-ESCI) dan Jurnal Peradaban (2017). Manakala Universiti Kebangsaan Malaysia memanfaatkan kepakaran beliau untuk menilai artikel yang diterbitkan dalam International Journal of West Asian Studies pada tahun 2020-2021 dan Jurnal Hadhari pada tahun 2017. Kepakaran akademik beliau turut dirujuk oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menilai manuskrip berjudul Imam al-Juwayni - Tokoh Peradaban Islam Sejagat: Pencetus Gagasan Maqasid Syariah (2014).

Di peringkat antarabangsa, kepakaran akademik beliau dirujuk oleh University of Management and Technology, Pakistan bagi menilai artikel untuk Journal of Islamic Thought and Civilization (indeks Scopus) pada 2021. Pada tahun yang sama, beliau juga dirujuk oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei untuk menilai manuskrip yang diterbitkan oleh Centre for Research and Publication. Beliau turut dijemput oleh Institut Islam Hadhari untuk menjadi Ahli Panel bagi projek Virtual Tour to Bukhari: Islamic Art Exhibition (2019) dengan kerjasama Kedutaan Republik Uzbekistan di Malaysia dan Imam Bukhari International Scientific-Research Center.

3. RESPECTED

- Penghormatan dalam Bidang

Beliau dihormati dalam bidangnya apabila dijemput sebagai penyampai ucap tama dalam Kolokium Siswazah Dan Prasiswazah Pengajian Arab Dan Tamadun Islam pada 7-9 Julai 2021; penyampai ucap tama dalam World Congress on Primary Healthcare and Medicare Summit pada 8-9 November 2021 di Vienna, Austria; penyampai ucap tama dalam Conference on Music Therapy in Islamic Civilization pada 9 April 2021 atas undangan syarikat La Green Compagnie di Paris; dan penyampai ucap tama dalam International Conference on Muslim Society and Thought di Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia (2017).

Selain itu, beliau juga turut menerima undangan sebagai pembentang dalam 2nd World Congress on Primary Healthcare and Medicare Summit pada 7-9 November 2022 di Paris; pembentang dalam kursus Pemikiran Sains dan Teknologi yang merupakan subjek umum di Universiti Teknologi Malaysia pada 25 November 2021; penceramah Webinar Training of Trainer Penghayatan Etika dan Peradaban II dengan tajuk Ke Arah Pembinaan Peradaban pada 8 September 2020 anjuran Universiti Teknologi MARA; pembentang dalam 4th International Islamic Studies Conference (4th IISC) pada 24-26 Julai 2017 di Prince of Songkla University, Thailand; dan pembentang dalam program Walk Through History anjuran Multimedia University (2015).

- Anugerah

Sebagai penghargaan kepada kecemerlangan yang dicapai, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2011 dan 2017 dari Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Anugerah Pengajar Cemerlang pada tahun 2014, 2017, 2020 dan 2021 dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau juga menerima Pingat Perak Karnival Inovasi P&P 2021 bagi inovasi bertajuk Pembelajaran Inter-Profesional dalam Kursus Sejarah Kesenian Islam anjuran Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum, Universiti Kebangsaan Malaysia; Pingat Perak Karnival Inovasi P&P 2020 bagi inovasi bertajuk Pembelajaran Aktif Menerusi Program Pandang Ke Langit anjuran Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum, Universiti Kebangsaan Malaysia; Pingat Perak Karnival Inovasi P&P 2019 anjuran Pusat Pengajaran dan Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi inovasi bertajuk Observasi Astronomi dalam Kursus Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam; Pingat Perak Karnival Inovasi P&P 2019 anjuran Pusat Pengajaran dan Teknologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi inovasi bertajuk Mentaksir Hasil Seni; dan Pingat Perak Minggu Penyelidikan dan Inovasi pada tahun 2019 anjuran Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin dan TATI University College bagi inovasi bertajuk How Astronomical Observation As Experiential Learning Impacts Students?.

Selain itu, beliau juga menerima Anugerah Kakitangan Mithali (Kategori Akademik), Fakulti Pengajian Islam (2022), Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang Keseluruhan (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020) pada 18 Mei 2022; Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang (Pendanaan) (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020) pada 18 Mei 2022; Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang (Penyeliaan) (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020) pada 18 Mei 2022; Kertas Kerja Terbaik dalam 4th International Islamic Heritage Conference pada 2 September 2021 anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari Cawangan Melaka; dan Kertas Kerja Terbaik dalam Bahasa Melayu dalam 6th Regional Seminar on Islamic Higher Education (SeIPTI) anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei pada tahun 2019.

BUTIR PERIBADI DAN PERKHIDMATAN	
Nama	Prof. Madya Dr. Roziah binti Sidik @ Mat Sidek
Tarikh dan Tempat Lahir	1 Ogos 1969 / Kelantan
Jantina	Perempuan
Warganegara	Malaysia
Majikan Sekarang	Universiti Kebangsaan Malaysia
Alamat	Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan
Telefon	03-89215550/5563/5077 (P)
Email	roziah@ukm.edu.my
Tarikh Mula Berkhidmat	16 Ogos 1994
Jawatan Hakiki	Prof. Madya (8/4/ 2012) Pensyarah Kanan (9/7/2009) Pensyarah (9/12/1998) Tutor (16/8/1994))
Bidang Pengkhususan	1. Sejarah dan Falsafah Sains Islam 2. Sejarah dan Tamadun Islam
Bidang Penyelidikan	1. Sejarah dan Falsafah Sains Islam 2. Sejarah dan Tamadun Islam
Penyelidikan Semasa	1. Model Pelancongan Islam di Malaysia Berteraskan Konsep Karavanserai dalam Tamadun Islam 2. Aplikasi terapi muzik dalam menangani masalah kesihatan mental pelajar institusi pengajian tinggi susulan pandemik Covid-19 3. Investigating the effects of Dhikr on the neural response of afferent auditory pathways among healthy-normal hearing young adults 4. Penggunaan Parameter Altitud Matahari -18 ^o Bagi Penentuan Waktu Subuh Dan Implikasinya Terhadap Sosio Ibadah
Jawatan Pentadbiran/Lantikan Universiti	1. Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti UKM (15/5/2018 - kini) 2. Timbalan Dekan Prasiswazah, Fakulti Pengajian Islam (1/4/2015 - 14/5/2018) 3. Felo Kanan Bersekutu, Institut Islam Hadhari UKM (10/2/2014 - kini) 4. Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti UKM (15/11/2003 - 31/3/2015) 5. Ketua Jaminan Kualiti, Fakulti Pengajian Islam (18/5/2009 - 14/11/2013) 6. Ketua, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam (15/7/2003 - 31/8/2004)

KELAYAKAN AKADEMIK

Kelayakan Akademik	Tahun	Badan Pengurniaan
Doktor Falsafah (Sejarah dan Falsafah Sains Islam)	2010	Fakulti Sains, Universiti Malaya
M.Litt. (Pengajian Arab)	1998	University of Edinburgh, Scotland
Diploma Pendidikan	1994	Universiti Kebangsaan Malaysia
Sarjanamuda Pengajian Islam dengan Kepujian (Pengajian Arab dan Tamadun Islam)	1993	Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGHARGAAN

Nama Anugerah	Peringkat	Tahun
Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang Keseluruhan (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020)	Universiti	2022
Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang (Pendanaan) (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020)	Universiti	2022
Sijil Penghargaan Anugerah Individu Cemerlang (Penyeliaan) (Kategori Profesor Madya) dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA Kali Ke-2 (Prestasi 2020)	Universiti	2022
Anugerah Kakitangan Mithali (Kategori Akademik) Fakulti Pengajian Islam	Universiti	2022
Kertas Kerja Terbaik (4 th International Islamic Heritage Conference, anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari Cawangan Melaka pada 2 September 2021)	Antarabangsa	2021
Anugerah Pengajar Cemerlang	Fakulti Pengajian Islam	2021
Pingat Perak Karnival Inovasi P&P (Pembelajaran Inter-Profesional dalam Kursus Sejarah Kesenian Islam)	Kebangsaan	2021
Anugerah Pengajar Cemerlang	Fakulti Pengajian Islam	2020
Pingat Perak Karnival Inovasi P&P (Pembelajaran Aktif Menerusi Program Pandang Ke Langit)	Kebangsaan	2020
Pingat Perak Karnival Inovasi P&P (Observasi Astronomi dalam Kursus Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam)	Kebangsaan	2019
Pingat Perak Karnival Inovasi P&P (Mentaksir Hasil Seni)	Kebangsaan	2019
Pingat Perak Minggu Penyelidikan dan Inovasi (How Astronomical Observation As Experiential Learning Impacts Students?)	Kebangsaan	2019
Kertas Kerja Terbaik dalam Bahasa Melayu	Antarabangsa	2019

(6th Regional Seminar on Islamic Higher Education (SeIPTI), anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei)		
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Universiti Kebangsaan Malaysia	2017
Anugerah Pengajar Cemerlang	Fakulti Pengajian Islam	2017
Anugerah Pengajar Cemerlang	Fakulti Pengajian Islam	2014
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Universiti Kebangsaan Malaysia	2011

LANTIKAN LUAR PERINGKAT UKM, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

UKM

Jenis Lantikan	Peringkat	Tahun
Ahli Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Universiti Kebangsaan Malaysia	Universiti	2022 - 2024
Ahli Jawatankuasa Penilaian di Bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (DD KPT)	Universiti	2022
Penilai Permohonan Geran Universiti Penyelidikan (GUP), Fakulti Pengajian Islam Fasa 1/2022	Universiti	2022
Panel Penilai Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB)	Universiti	2022
Penilai Dana Penerbitan Buku (DPB)	Universiti	2021
Ketua Juri Pertandingan e-Poster Inovasi dan Kreativiti Budaya Kerja Norma Baharu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia	Universiti	2021
Penilai Manuskrip (International Journal of West Asian Studies), Universiti Kebangsaan Malaysia	Kebangsaan	2021
Penilai Manuskrip (International Journal of West Asian Studies), Universiti Kebangsaan Malaysia	Kebangsaan	2020
Penilai Manuskrip (Jurnal Hadhari)	Kebangsaan	2017

Kebangsaan

Jenis Lantikan	Peringkat	Tahun
Ahli Majlis Pengurusan Kualiti (MPQ) Universiti Awam	Kebangsaan	2020 - 2022
Penilai Manuskrip International Journal of Asia Pacific Studies, Univcersiti Sains Malaysia	Kebangsaan	2022
Penilai Manuskrip Journal on Sustainable Tropical Design Research and Practice, Universiti Putra Malaysia	Kebangsaan	2021
Penilai Manuskrip International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS), Universiti Teknologi MARA	Kebangsaan	2021

Pemeriksa Luar Tesis Doktor Falsafah Fiqih Risallah, Universiti Teknologi Malaysia	Kebangsaan	2020 - 2022
Jawatankuasa Pengajian bagi Program Ijazah Sarjana Usuluddin (Pemikiran dan Peradaban Islam), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya	Kebangsaan	2020
Ahli Panel Penilai MQA untuk Program Sarjana Muda Kepimpinan Adat dan Warisan, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya	Kebangsaan	2019
Ahli Panel Penilai MQA untuk Program Sarjana Muda Warisan Nabawi dengan Pengurusan Maklumat, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya	Kebangsaan	2019
Ahli Panel Penilai MQA untuk Program Master of Comparative Heritage, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya	Kebangsaan	2019
Penilai Luar Kenaian Pangkat Staf Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin	Kebangsaan	2019
Panel Penilai Pra-Audit Pengekalan Status Swaakreditasi, Universiti Teknologi Malaysia	Kebangsaan	2018
Ahli Panel Penilai Program Bachelor of Human Science (History and Civilization) (Honours) di Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Kebangsaan	2018
Ahli Panel Penilai MQA untuk Program Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam), Universiti Sultan Zainal Abidin	Kebangsaan	2018
Pemeriksa Luar Tesis Sarjana Falsafah Ahmad Khushairi Ismail, Universiti Teknologi Malaysia	Kebangsaan	2018
Panel Pemikir Pengurusan Islam Manhaj Malaysia	Kebangsaan	2017
Penilai Manuskrip (Jurnal al-Tamaddun [indeks Scopus dan ESCI], Universiti Malaya)	Kebangsaan	2017
Penilai Manuskrip (Jurnal Peradaban, Universiti Malaya)	Kebangsaan	2017
Panel Temu Duga bagi Program Biasiswa Yang Ditawarkan di Kementerian Pendidikan Tinggi	Kebangsaan	2017
Ahli Jawatankuasa Teknikal Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA)	Kebangsaan	2016-2019
Penilai Manuskrip (Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menilai manuskrip berjudul Imam al-Juwayni - Tokoh Peradaban Islam Sejagat: Pencetus Gagasan Maqasid Syariah)	Kebangsaan	2014

Antarabangsa

Jenis Lantikan	Peringkat	Tahun
Profesor Pelawat di Fakulti Sains Islam, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Thailand	Antarabangsa	16 Ogos - 20 Disember 2021
Juri Profesional dalam International Digital Innovation and Invention Challenge (IDIIC 2021) (1 Januari - 20 April 2021).	Antarabangsa	1 Januari - 20 April 2021
Penilai Manuskrip (Journal of Islamic Thought and Civilization, University of Management and Technology, Pakistan [indeks Scopus])	Antarabangsa	2021
Penilai Manuskrip (Centre for Research and Publication, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei)	Antarabangsa	2021

Advisory Board bagi Journal of Islamic Research dari tahun 2019 hingga kini,	Antarabangsa	2019-kini
Ahli Panel (Virtual Tour to Bukhari: Islamic Art Exhibition anjuran Institut Islam Hadhari dengan kerjasama Kedutaan Republik Uzbekistan di Malaysia dan Imam Bukhari International Scientific-Research Center)	Antarabangsa	2019
Dosen Tamu (Profesor Pelawat) di Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) al-Khairat Pamekasan, Madura, Indonesia pada 11-16 November 2016.	Antarabangsa	2016

DANA PENYELIDIKAN

Bil	Tajuk	Tempat dan Penyelidik Bersama	Status & Tempoh Penyelidikan	Sumber Kewangan
1	Aplikasi Terapi Muzik dalam Menangani Masalah Kesihatan Mental Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Susulan Pandemik Covid-19	Malaysia - Ketua Penyelidik	Sedang Maju (1/12/2020- 30/11/2022)	RH-2020-008 (RM30,000.00) (Dana Luar)
2	Model Pelancongan Islam di Malaysia Berteraskan Konsep Karavanserai dalam Tamadun Islam	Malaysia - Ketua Penyelidik	Sedang Maju (1/11/2020- 30/4/2023)	FRGS/1/2020/SSI0/ UKM/02/20 (RM53,200.00) (Kebangsaan)
3	Model Terapi Muzik dalam Perubatan berteraskan Amalan Perubatan Tamadun Islam	Malaysia – Ketua Penyelidik	Selesai (1/8/2016- 31/1/2019)	FRGS/1/2016/SSI05/ UKM/02/1 (RM54,000.00) (Kebangsaan)
4	Peranan Ulama dalam Perjuangan Kemerdekaan Malaysia	Malaysia – Penyelidik Bersama	Selesai (1/8/2016- 31/1/2019)	FRGS/1/2016/SSI06/ UKM/02/1 (RM49,000.00) (Kebangsaan)
5	Implikasi Pembangunan Teknologi Robotik kepada Perkembangan Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam	Malaysia – Ketua Penyelidik	Selesai (1/6/2015– 31/5/2017)	GUP-2015-015 (RM10,000.00)

6	Model Tadbir Urus: Analisis Amalan Terbaik Pentadbiran Rasulullah S.A.W	Malaysia – Penyelidik Bersama	Selesai (2/11/2015-1/11/2017)	FRGS/1/2015/SSI05/UKM/02/2 (RM51,600.00) (Kebangsaan)
7	Alternative Paradigm and Innovation in Engineering Education: A Model for Islamic Engineering Education in the Muslim Countries	Malaysia – Penyelidik Bersama	Selesai (1/8/2014-31/1/2017)	PTS-2014-082 (RM70,000.00)
8	Persepsi Masyarakat Multi-Etnik terhadap Wakaf Pendidikan Tinggi Negara	Malaysia – Penyelidik Bersama	Selesai (1/1/2014-31/12/2016)	LRGS/2013/UKM-UKM/SI/03/01 (RM205,000.00) (Kebangsaan)
9	Model Interaksi Antara Tamadun Berpusatkan Nilai Teras Tamadun Islam	Malaysia – Ketua Penyelidik	Selesai (4/4/2012 – 3/4/2014)	FRGS/1/2012/SSI05/UKM/02/1 (RM50,000.00) (Kebangsaan)
10	Blog Sebagai Medium Pembelajaran Bagi Bidang Sejarah dan Falsafah Sains Islam	Malaysia – Ketua Penyelidik	Selesai (1/6/2012 – 1/6/2013)	PTS-2012-057 (RM11,000.00)

RINGKASAN PENYELIAAN

Ijazah	Peranan	Bilangan Pelajar	Pelajar Tamat
Doktor Falsafah	Penyelia Utama	8	6
	Penyelia Bersama / Jawatankuasa Penyeliaan	7	5
Sarjana (Mod Penyelidikan)	Penyelia Utama	4	3
	Penyelia Bersama	1	1
Sarjana (Mod Campuran)	Penyelia Utama	11	9
Sarjana (Mod Kerja Kursus)	Penyelia Utama	1	0
Sarjana Muda	Penyelia Utama	32	24

PENYELIAAN PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

Bil	Nama Pelajar	Tajuk	PTj	Tahun	Peranan	Status
1	Khairi Bin Jalalluddin	Pengetahuan, Sikap dan Amalan Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap Teori Evolusi Manusia dalam Konteks Kesepaduan Sains dan Agama	Institut Islam Hadhari	2020-2027	Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan	Sedang Maju
2	Siti Nurul Izza Binti Hashim	Tulisan Jawi Pelopor Keilmuan di Alam Melayu : Kajian Terhadap Manuskrip Jawi dalam Bidang Sains dan Teknologi.	Fakulti Pengajian Islam	2020-2026	Penyelia Utama	Sedang Maju
3	Mohd Azrin Wahid	Persepsi Masyarakat Malaysia Terhadap ICERD Berdasarkan Komen Portal MalaysiaKini.com	Institut Islam Hadhari	2014-2023	Penyelia Utama	Sedang Maju
4	Aidil Farina Bt. Omar	Epistemologi Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam Mentafsir Sejarah Berasaskan Historiografi Melayu Islam	Institut Islam Hadhari	2012/2013 - 2021/2022	Penyelia Bersama	Sedang Maju
5	Anwar Bin Muttaqin	Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam Menerajui Sosioekonomi Ummah di Negeri Sembilan	Institut Islam Hadhari	2015-2022	Penyelia Utama	Tamat
6	Mohd Jailani Bin Abdullah	Epistemologi Terapi Muzik dan Aplikasinya di Bimarastan al-Mansuri pada Abad ke -13 Masihi	Fakulti Pengajian Islam	2016-2020	Penyelia Utama	Tamat
7	Mustafa. Farag. A. Abdalla	Sejarah Perbandaran Bandar Tripoli Barat Era Pemerintahan Dinasti Karamnali	Fakulti Pengajian Islam	2014-2020	Penyelia Utama	Tamat
8	Ayad Abdulkadhim Taresh	Ciri-Ciri Artistik Baghdad School of Islamic Painting Sekitar Era Abbasid	Institut Islam Hadhari	2013-2020	Penyelia Utama	Tamat
9	Rusleda Binti Awang	Pemikiran Pendidikan Hasan Langgulung dan Pendidikan Prasekolah di Malaysia	Fakulti Pengajian Islam	2009-2019	Penyelia Bersama	Tamat
10	Muhammad zakee Niteemoh	Mushkilat Fatani wa Sadaha fi Duwal al-Khalij al-'Arabiyyah.	Fakulti Pengajian Islam	2009-2019	Penyelia Utama	Tamat
11	Noorsafuan Bin Che Noh	Pemurnian Fakta dalam Novel Sejarah Islam Terpilih di Malaysia	Fakulti Pengajian Islam	2012-2019	Penyelia Utama	Tamat

12	Samir Jasim Hilo	Keupayaan Ekspresif dalam Ukiran Seni bina di United Arab Emirates	Institut Islam Hadhari	2013-2018	Penyelia Bersama	Tamat
13	Anwar H. M. Musae	Realiti, Cabaran dan Pembangunan Harta Wakaf di Tebing Barat dari Tahun 1995-2013M	Fakulti Pengajian Islam	2012-2016	Jawatankuasa Penyeliaan	Tamat
14	Anisah Bahyah Binti Ahmad	Pengaruh Seni Bina China dan India terhadap Reka Bentuk Masjid di Melaka	Fakulti Pengajian Islam	2007-2104	Jawatankuasa Penyeliaan	Tamat
15	Naser Mohammed Sulaiman Saad	Civilizational Relations and Influences in the Southwest Asia and the Northeast Africa Regions	Pusat Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)	2009-2013	Jawatankuasa Penyeliaan	Tamat

PENYELIAAN PELAJAR SARJANA (MOD PENYELIDIKAN)

Bil	Nama Pelajar	Tajuk	PTj	Tahun	Peranan	Status
1	Aina Zafirah Binti Samsudin	Simbiosis antara Karavanserai dengan Pelancongan dalam Tamadun Islam	Fakulti Pengajian Islam	2020/2021-2022/2023	Penyelia Utama	Sedang Maju
2	Muhammad Khatib Bin Johari	Klasifikasi Ilmu Menurut Shaykh Ahmad Al-Fatani dalam Fatawa Al-Fataniyyah	Institut Islam Hadhari	2017/2018-2020/2021	Penyelia Utama	Tamat
3	Ammalina Dalillah Binti Mohd Isa	Sains dan Teknologi Era Sultan Muhammad al-Fatih	Fakulti Pengajian Islam	2012/2013-2015/2016	Penyelia Utama	Tamat
4	Nabihah Liyana Binti Salan	Pemikiran Sains George Sarton di dalam Karya Introduction to the History of Science	Fakulti Pengajian Islam	2011/2012-2014/2015	Penyelia Utama	Tamat
5	Mohd Irman Bin Mohd Abd Nasir	Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka	Institut Islam Hadhari	2010/2011-2015-2016	Jawatankuasa Penyeliaan	Tamat

		Terhadap Isu-Isu Ekstremisme				
--	--	------------------------------	--	--	--	--

PENYELIAAN PELAJAR SARJANA (MOD CAMPURAN)

Bil	Nama Pelajar	Tajuk	PTj	Tahun	Peranan	Status
1	Nur Aqilah Binti Karim	Kelestarian Instrumen Pembedahan Abu Al-Qasim Khalaf bin Abbas Al-Zahrawi (936H/325M-1013M/404H) Berkaitan Otorinolaringologi dalam Pembedahan Moden	Fakulti Pengajian Islam	2018-2019-2021/2022	Penyelia Utama	Tamat
2	Nur Fadillah Binti Mohamed Fadzil	Konsep Perbandaran Kompleks Yayasan Aljenderami	Fakulti Pengajian Islam	2016/2017-2020/2021	Penyelia Utama	Sedang Maju
3	Siti Hajar Yusoff	Analisis Kandungan Ilmu Perubatan dalam Kitab Hadiqatul Azhar Wa Riyahin Karya Sheikh Ahmad Al-Fatani	Fakulti Pengajian Islam	2016/2017-2020/2021	Penyelia Utama	Sedang Maju
4	Siti Norhidayah Bt Mohd Sufie	Terapi Muzik pada Akhir Era Abbasi	Fakulti Pengajian Islam	2015/2016-2019/2020	Penyelia Utama	Tamat
5	Norshahidah Binti Zakaria	Perkembangan Sains Islam Era Kerajaan 'Uthmaniyyah	Fakulti Pengajian Islam	2011/2012-2015/2016	Penyelia Utama	Tamat
6	Ahmad Sobrie Bin Haji Ab. Rahman	Transformasi Sains dan Teknologi Dawlah Uthmaniyyah Era Sultan Suleyman 1 (1520M-1566M)	Fakulti Pengajian Islam	2013/2014-2015/2016	Penyelia Utama	Tamat
7	Nor Azlina Binti Sidek	Interaksi antara Tamadun Islam dengan Tamadun India	Fakulti Pengajian Islam	2012/2013-2014/2015	Penyelia Utama	Tamat
8	Rozita Binti Che Mustapha	Nilai dalam Sains Islam	Fakulti Pengajian Islam	2011/2012-2014/2015	Penyelia Utama	Tamat
9	Wan Hamdi Bin Wan Sulaiman	Inovasi Sains dan Teknologi Era 'Abbasi pada Zaman Pemerintahan Banu Saljuq (429H/1038H-656H/1258M)	Fakulti Pengajian Islam	2010/2011-2013/2014	Penyelia Utama	Tamat

10	Eiashah Binti Yusof	Flora dalam Kitab Al-Nabat oleh Abu Hanifah Ahmad Bin Dawud al-Dinawari	Fakulti Pengajian Islam	2009/2010-2013/2014	Penyelia Utama	Tamat
11	Nurul Asma Binti Mazlan	Inovasi Penulisan Rasm, Dabt dan Kaligrafi dalam Mushaf al-Quran di Malaysia	Fakulti Pengajian Islam	2010/2011-2012/2013	Penyelia Utama	Tamat

PENYELIAAN PELAJAR SARJANA (MOD KERJA KURSUS)

Bil	Nama Pelajar	Tajuk	PTj	Tahun	Peranan	Status
1	Nurul Wahida Binti Abdullah	Penginstitusian Aplikasi Terapi Muzik dalam Perubatan: Bagaimana Tamadun Islam Melakukannya?	Fakulti Pengajian Islam	2021/2022-2022/2023	Penyelia Utama	Sedang Maju

PENYELIAAN PELAJAR SARJANA MUDA

Bil	Nama Pelajar	Tajuk	Tahun
1	Aisah Binti Masdar	Sejarah Kesenian Islam di Turki	2021/2022
2	Nurul Fathiyah Binti Mohd Khirrudin	Penemuan al-Battani dalam Menentukan Pengiraan Astronomi	2021/2022
3	Nurul Shahirah Binti Zaihanudin	Simbiosis Baitul Hikmah dengan Kecemerlangan Sarjana Tamadun Islam	2021/2022
4	Nurin Syafiqah Binti Norhasharudin	Konsep Karavanserai dalam Tamadun Islam	2021/2022
5	Puteri Nur Durratul Ain Binti Mohd Nor	Landskap Hospital dan Hubungannya dengan Terapi Muzik dalam Perubatan Era Uthmaniyyah	2021/2022
6	Fauzan Khalis Bin Mohd Ghazali	Keguaan Alat Muzik Merentasi Tamadun Andalus	2021/2022
7	Ahmad Tarmizee Bin Ahmad Zairin	Perkembangan Teknologi Seni Bina dan Kesenian Islam pada Zaman Kerajaan Bani Umayyah di Andalus	2020/2021
8	Nur Fatin Nabilah Binti Ibrahim	Pekembangan Kesenian Islam Era Abbasiyyah	2020/2021
9	Yasmin Huda Binti Ismail	Perkembangan Kesenian Muzik oleh al-Farabi pada Zaman Abbasiyyah	2020/2021
